

Belanjawan 2019 dapat sambutan baik - Tun Mahathir
Astro Awani
3 November 2018
Afiezy Azaman,

PUTRAJAYA: Belanjawan 2019 yang dibentangkan pada Jumaat mendapat maklum balas yang baik oleh semua pihak dan Pakatan Harapan akan mempertahankan sebarang kritikan terhadap bajet berkenaan.

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir berkata, banyak pihak mendakwa bajet yang buat kali pertama dibentangkan oleh kerajaan PH itu merupakan bajet kecil, namun yang berlaku adalah sebaliknya.

“Kita dapat memperbesarkan bajet kita walaupun mempunyai masalah kewangan, namun ada juga pihak mendakwa ini bukan bajet yang boleh dikembangkan.

“Kita dapat bantuan sikit daripada Petronas yang sanggup memberi dividen tambahan sebanyak RM30 bilion. Walaupun begitu, hutang kita lebih daripada RM1 trilion,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Presiden Pakatan Harapan di Putrajaya, hari ini.

Kerajaan Pakatan Harapan buat pertama kali selepas 61 tahun membentangkan Bajet 2019 selepas mengambil alih kerajaan daripada Barisan Nasional pada 9 Mei lepas.

Bajet berkenaan dibentangkan oleh Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2019-dapat-sambutan-baik-tun-mahathir-190173>